KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	24/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	TNB / ST			

Premis 'gali' bitcoin digempur

Georgetown: Polis menyerbu sebuah premis yang menjalankan kegiatan perlombongan mata wang digital bitcoin secara haram dan merampas 100 mesin bernilai RM100,000 di sebuah rumah kedai tiga tingkat di Air Itam di sini, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Timur Laut Asisten Komisioner Soffian Santong berkata dalam serbuan pada jam 3.30 pagi Selasa lalu itu, polis pada mulanya menahan dua lelaki sebelum memberkas dua lagi di kawasan Air Itam pada hari yang sama.

"Pemeriksaan mendapati terdapat 100 mesin bitcoin bersama beberapa peralatan komputer yang kesemuanya bernilai RM100,000 di rumah kedai itu dan siasatan awal oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) mendapati terdapat penyambungan haram bagi tujuan mencuri elektrik.

"Anggaran kerugian oleh TNB adalah sebanyak RM24,000 dan siasatan juga mendapati premis itu dijadikan tempat perlombongan bitcoin secara haram sejak 1 Januari lepas," menurutnya dalam satu kenyataan kelmarin.

Beliau berkata keempat-empat lelaki berumur lingkungan 27 hingga 36 tahun yang ditahan dipercayai ahli sindiket perlombongan mata wang digital bitcoin secara haram dan mereka direman untuk siasatan lanjut.

Katanya kes itu disiasat mengikut Seksyen 379 dan Seksyen 427 Kanun Keseksaan.

> "Anggaran kerugian oleh TNB adalah sebanyak RM24,000"
> Soffian



SEBANYAK 100 mesin bitcoin bernilai RM100,000 dirampas dalam serbuan di Air Itam.

IIM 24.1.2022_17